

19 DEC 1999

Lee-Ahli Parlimen

WAKIL RAKYAT PATUT BERKHIDMAT SEPENUH MASA, KATA AKTIVIS MASYARAKAT

KUALA LUMPUR, 19 Dis (BERNAMA) -- Bekas Anggota Parlimen Bukit Bintang Datuk Lee Lam Thye mencadangkan supaya saraan bulanan dan imbuhan lain bagi anggota Parlimen dikaji semula bagi membolehkan mereka berkhidmat secara sepenuh masa.

Ini akan membolehkan anggota Parlimen dan Anggota Dewan Undangan Negeri (Adun) menumpukan sepenuh perhatian kepada kawasan pilihan raya masing-masing, sekali gus memberi keadilan kepada rakyat yang memilih mereka, katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Lee yang berkhidmat sebagai anggota Parlimen selama tujuh penggal berkata meskipun kebanyakan wakil rakyat kini berkhidmat sepenuh masa, terdapat masih ramai yang belum bersedia melepaskan jawatan profesional masing-masing untuk menjadikan politik pekerjaan sepenuh masa.

Menurutnya pada masa ini hanya anggota Parlimen berhak mendapat kira-kira RM6,650 sebulan sebagai saraan termasuk hiburan, elaun perjalanan, telefon dan gaji pemandu.

Lee juga berkata anggota Parlimen dan Adun patut menjadikan mereka mudah dihubungi dengan membekalkan nombor telefon dan fax atau alamat e-mel kepada pengundi bagi membolehkan mereka mendapatkan bantuan tanpa sebarang masalah.

Menurutnya wakil rakyat juga mesti mengadakan sesi perjumpaan dengan rakyat di kawasan pilihan raya masing-masing bagi mewujudkan interaksi dengan peringkat akar umbi.

"Selain mengadakan sesi pertemuan dengan rakyat, mereka juga mesti membuka pusat khidmat di kawasan masing-masing yang dikendalikan oleh kakitangan sepenuh masa bagi mengurus keperluan harian penduduk di kawasan terbabit," katanya.

Lee mengingatkan wakil-wakil rakyat bahawa "kejayaan dalam pilihan raya bukan pasport untuk berkhidmat bagi agenda pribadi seseorang, tetapi berkhidmat dengan penuh tanggungjawab, integriti, komited dan kerja keras."

"Tugas wakil rakyat hari ini amat mencabar berbanding masa lepas kerana mereka kini perlu berurusan dengan pengundi yang berpendidikan tinggi yang bermaklumat mengenai hal ehwal semasa dan dalam banyak kes mengetahui hak masing-masing," katanya.

Mengenai barisan kabinet baru yang diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 10 Dis, Lee berkata ia merupakan gabungan baik antara yang berpengalaman dan pemimpin muda yang boleh membantu menyediakan kerjaan yang kuat dan cekap dalam menangani banyak isu dan cabaran pada masa depan.

Majlis Belia Malaysia (MBM) turut meminta semua wakil rakyat menubuhkan pusat khidmat di kawasan masing-masing yang diuruskan secara sepenuh masa oleh kakitangan profesional.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Bandar MBM, Norizan Sharif berkata masih terdapat wakil rakyat terutamanya di kawasan luar bandar yang gagal menubuhkan pusat khidmat sepanjang tempoh perkhidmatan.

"Ada juga wakil-wakil rakyat yang memilih jalan mudah untuk hanya beroperasi dari pejabat parti masing-masing dan ini menghalang pengundi yang bukan menjadi ahli parti tersebut mendekati mereka," katanya dalam satu kenyataan di sini, hari ini.

Norizan berkata ada pula wakil rakyat yang mempunyai pejabat pusat khidmat tidak mengurusnya dengan baik kerana tiada kakitangan sepenuh masa, peralatan yang tidak mencukupi serta tidak mempunyai waktu operasi yang

tertentu.

MBM meminta wakil rakyat yang terlibat dalam aktiviti perniagaan supaya mengurangkannya.

--BERNAMA

AKT LAT SFI